

Jenis Akhbar : Utusan Online

Tarikh : 26/01/2026

Edisi / Muka Surat : <https://www.utusan.com.my/>

Tajuk : 24 pasukan media sertai boling persahabatan ANGKASA

24 pasukan media sertai boling persahabatan ANGKASA



PETALING JAYA: Seramai 72 peserta yang mewakili 24 pasukan daripada pelbagai agensi media, organisasi dan koperasi menyertai Pertandingan Boling Persahabatan Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) Bhd. dan Media 2024 di Strand Mall, Damansara, di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang menjadi acara tahunan ANGKASA itu diadakan untuk menghargai peranan signifikan disumbangkan oleh rakan media dalam meningkatkan kesedaran umum mengenai usaha dan inisiatif oleh gerakan koperasi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Antara rakan media yang terlibat adalah Utusan Malaysia; Kosmo, BERNAMA, TV3, Sinar Harian, Karangraf, RTM, TV9, Harian Metro, New Straits Times dan Berita Harian.

Naib Presiden ANGKASA, Datuk Ibrahim Abdullah berkata, hubungan dan kerjasama ini perlu kekal berterusan dan diperkukuhkan pada masa akan datang.

Melalui aktiviti bersama dalam usaha menyebarkan maklumat mengenai koperasi sebagai wadah perjuangan ekonomi yang mapan kepada masyarakat dan negara.

Pertandingan tersebut menawarkan hadiah wang tunai dan trofi untuk pemenang tempat pertama hingga ke-10 bagi kategori jatuhan pin terbanyak dan wang tunai untuk pemain terbaik (lelaki dan perempuan). – [UTUSAN](#)